

Ketokohan Dan Sumbangan Sultan Muhammad Jiwa Adzilin Shah II Dan Syeikh Abdul Jalil Al Mahdani: Legasi Perjuangan Raja Dan Ulama Di Kedah

(The Character And Contributions Of Sultan Muhammad Jiwa Adzilin Shah II And Sheikh Abdul Jalil Al Mahdani: The Legacy Of The Struggle Of King And Ulama In Kedah)

Shukri Janudin^{1*}

¹ Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM), Malaysia

* Pengarang Koresponden: shuxre75@hotmail.com

Received: 22 February 2025 | Accepted: 16 May 2025 | Published: 1 June 2025

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpg.2025.7.2.4>

Abstrak: Kegemilangan Kedah sebagai sebuah kuasa maritim, ketenteraan serta perkembangan Islam di semenanjung Tanah Melayu pada abad ke 18 turut disumbangkan oleh dua orang tokoh dalam kesultanan Kedah iaitu Sultan Muhammad Jiwa Adzilin Shah II dan ulama Syeikh Abdul Jalil al Mahdani. Perjalanan kisah mereka turut dinukilkan di dalam buku *Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah* (ASNK) yang diterbitkan atas titah perintah istana pada tahun 1928 sebagai sebuah catatan yang merekodkan bukti sejarah panjang negeri Kedah sejak awal penubuhannya. Hasil kajian kertas kerja ini berusaha membuktikan bahawa gandingan kedua-dua tokoh ini telah memberikan sumbangan yang besar terhadap perkembangan agama Islam di Kedah selain telah mempengaruhi perkembangan ekonomi dan geopolitik serantau di wilayah-wilayah utara semenanjung Tanah Melayu sehingga ke wilayah Tenasserim dan Chumphon yang kini telah menjadi wilayah-wilayah Myanmar dan Thailand

Kata Kunci: Kesultanan, Ulama, Kedah, Geopolitik, Wilayah

Abstract: The glory of Kedah as a maritime power, military and the development of Islam in the Malay Peninsula in the 18th century was also contributed by two figures in the Kedah Sultanate, namely Sultan Muhammad Jiwa Adzilin Shah II and ulama Sheikh Abdul Jalil al Mahdani. The journey of their story is also mentioned in the book *Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah* (ASNK) which was published by order of the palace in 1928 as a record that records evidence of the long history of the state of Kedah since its inception. The results of this paper seek to prove that the coupling of these two figures has contributed significantly to the development of Islam in Kedah besides influencing regional economic and geopolitical developments in the northern regions of the Malay Peninsula up to the Tenasserim and Chumphon regions which have now become the provinces of Myanmar and Thailand.

Keywords: Sultanate, Ulama, Kedah, Geopolitics, Region

1. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk triangulasi dengan melakukan wawancara bersemuka bersama 4 orang informan, pemerhatian di lapangan di Jitra dan Alor Setar, Kedah serta rujukan dan analisa terhadap 44 buah sumber-sumber dokumentasi termasuk 6 dari sumber internet. Objektif kajian ini adalah untuk memberikan kefahaman kepada para pembaca mengenali dan menghargai jasa serta pengorbanan Sultan Muhammad Jiwa II serta ulama Kedah yang terbilang; Syeikh Abdul Jalil al Mahdani dalam mempertahankan kedaulatan agama, bangsa dan tanah air.

2. Sorotan Kajian

Syeikh Abdul Jalil al Mahdani merupakan seorang guru, rakan dan pemuka agama bagi Sultan Muhammad Jiwa II. Kisah kedua-dua tokoh ini sering diceritakan secara bergandingan yang boleh diperolehi melalui buku *Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah* (ASNK) karya Muhammad Hassan bin Dato' Muhammad Arshad. Beliau merupakan seorang kerani rahsia dan pegawai sulit kepada Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1881-1943; sultan Kedah ke 26). Paling menarik beliau mewarisi sanad darah keturunan, sanad perguruan serta sanad ilmu (Janudin, 2023: 13-14) generasi al Mahdani kerana merupakan generasi keempat dari keturunan Syeikh Abdul Jalil al Mahdani dan Wan Zainab binti Maharaja Dewa Putra yang merupakan *Moyang* beliau.

Kisah kedua-dua tokoh ini boleh diperolehi dari buku ASNK yang diselenggara semula oleh Dr. Ibrahim Bakar Langkawi dari Persatuan Sejarah Malaysia Negeri Kedah (PSMCK) pada tahun 2018 iaitu setelah 90 tahun dari penerbitan awalnya.

3. Permasalahan Kajian

Permasalahan utama dalam mengkaji kedua-dua sosok tokoh sejarah ini ialah kurangnya kajian terhadap mereka berbanding kisah dan sumbangan cucundanya; Syeikh Abdul Samad al Palembangi. Beliau merupakan anak kepada Syeikh Abdul Rahman hasil perkahwinan Syeikh Abdul Jalil dengan Raden Ranti dari kerabat diraja Palembang. Sebelum itu beliau telah berkahwin dengan Wan Zainab puteri kepada Dato' Seri Maharaja Dewa, Kedah yang merupakan seorang pembesar istana Kedah dari kalangan keturunan bangsa *Wan*.

ASNK tidak menceritakan kisah tokoh-tokoh ini secara mendalam namun ia merupakan antara rujukan yang penting dan memiliki kredibiliti tersendiri kerana ditulis oleh Muhammad Hassan seorang Setiausaha Sulit kepada Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1881-1943) yang mempunyai akses dan autoriti terhadap sumber-sumber rujukan yang bersifat koleksi rahsia yang tersimpan di dalam istana kesultanan Kedah (Langkawi, 2018: 14-17).

Justeru jika membaca dan mengkaji sejarah Sultan Muhammad Jiwa II dan Syeikh Abdul Jalil al Mahdani ini pasti memerlukan penelitian dari pelbagai sumber tambahan sebagai rujukan silang bagi menyorot pelbagai peristiwa sejarah yang sebenarnya sarat dengan pelbagai perkara yang tersurat lagi tersirat. Banyak peristiwa yang masih kabur memerlukan pengkajian berterusan bagi merungkai pelbagai rahsia, misteri, hipotesis, kemungkinan dan andaian. Kajian ini merintis jalan ke arah penyelidikan yang lebih mendalam terutamanya bagi menjejaki salasilah kedua-dua keturunan mereka yang masih belum terungkai.

4. Hasil dapatan


Asal-usul susur galur Syeikh Abdul Jalil al Mahdani

Syeikh Abdul Jalil al Mahdani dikatakan berasal dari Sana'a di negeri Yemen. Bapanya bernama Syeikh Abdul Wahab al Mahdani bin Syeikh Ahmad al Mahdani. Beliau telah berhijrah dan berkelana ke Palembang untuk menyebarkan Islam di samping mempelajari ilmu pengetahuan dari negeri-negeri yang disinggahinya.

Menurut (Ahmad, 2018:12) Syeikh Abdul Jalil Al Mahdani berkemungkinan mempunyai susur galur dari kabilah *al Mahdali* atau *al Hamdali*. Namun dari segi etimologi atau asal-usul bahasa, sama ada *al Mahdani* atau *al Mahdali* boleh dinasabkan kepada para penduduk daerah *al Ahdal* (Chittick, 1968) di barat daya kota Sana'a atau *al Madan* di barat laut kota Sana'a yang digelar kabilah *al Madani*. Kedua-dua kawasan ini dihuni oleh ramai keturunan *Sayyid* atau *Ahlul Bayt* dari suku Quraisy kabilah Bani Hashim yang berhijrah dari Hijaz ke Yemen semasa pemerintahan Khalifah Ali bin Abi Talib r.a (656-661 masihi). Keturunan Yemen ini juga dikenali sebagai *Hadrami* kemudiannya ini tersebar luas ke Asia Tengah, India hingga ke Tanah Melayu sepanjang pemerintahan dinasti Muawiyah, Abbasiyah, Uthmaniyah dan Moghul (Kathirithamby-Wells, 2009)¹.

Mengikut ASNK Syeikh Abdul Jalil al Mahdani mempunyai susur galur keturunan di Kedah dan Palembang (Langkawi, 2018:143,297). Melalui perkahwinannya dengan Wan Zainab puteri kepada Maharaja Seri Putra Dewa seorang pembesar istana dari kalangan bangsa Wan di Kedah telah melahirkan dua orang putera bernama Wan Abdul Kadir dan Wan Abdullah Akhir. Menurut Hamid (2019:333), hasil persemendaan al Mahdani dengan wanita tempatan telah mengukuhkan pengaruh Arab-Melayu dalam struktur pentadbiran Kedah. Wan Abdul Kadir misalnya dilantik sebagai Mufti Kedua Kedah menggantikan ayahandanya tersebut. Seterusnya anak Wan Abdul Kadir; Wan Abu Bakar dilantik menjadi Kadi Besar. Dari Wan Abu Bakar lahirlah (*Wan*) Muhammad Arshad yang menjadi Kerani Rahsia merangkap Setiausaha Sulit kepada sultan Kedah. Manakala anak-anaknya; (*Wan*) Mohd Ariffin menjadi Setiausaha Kerajaan, (*Wan*) Mohd Hassan menjadi Penulis ASNK dan Wan Sulaiman dilantik sebagai Sheikhul Islam hingga 1935. Rujuk Carta 1.

¹ Di dalam tradisi kabilah Arab, penentuan nasab keturunan dan salasilah amat diutamakan sejak zaman berzaman. Kedatangan Islam mengukuhkan lagi pendirian ini kerana Islam sendiri mementingkan nasab darah keturunan atau kekerabatan sebagai penghormatan kepada setiap individu sesuai dengan prinsip-prinsip maqasid syariah.




Carta 1: Salasilah dan kaum Kerabat Syekh Abdul Jalil al Mahdani

Sementara melalui perkahwinan dengan isteri keduanya; Raden Ranti binti Raden Siran dari kerabat sultan Palembang telah melahirkan seorang putera bernama Abdul Rahman. Menurut Ahmad (2018:12-13) dari susur galur Abdul Rahman ini lahir Abdul Samad al Palembangi yang merupakan seorang ulama dan pejuang jihad ketika era Perang Musuh Bisik².

Keturunan al Mahdani ini turut bersemenda dengan kerabat kesultanan Kedah dan dengan keturunan para pembesar Kedah bergelar *Wan* dari jalur keturunan Laksamana Wan Ismail; pembawa ilmu persilatan Silat Cekak di istana Kedah (Janudin & Yusoff, 2019; 2020). Ini bermakna seluruh keturunan ini adalah terdiri dari kalangan adik beradik, saudara mara dan sepupu sepaat kerana berkait rapat di antara satu sama lain (Omar et al., 1989; Ismail Tuan Ali, 2021: 339). Rujuk Carta 2.

² Menurut Informan 3, isteri dan anak Syekh Abdul Jalil ini dibawa bersama pulang ke Kedah dan menetap di Kota Mengkuang berhampiran Tanjung Pauh, Jitra. Setelah beberapa lama mereka pulang semula ke Palembang dan Abdul Rahman berkahwin dengan gadis tempatan yang melahirkan Abdul Samad berkemungkinan pada 1719 dikenali sebagai Syekh Abdul Samad al Palembangi mashyur dengan kitab antaranya *Hidayatus Salikin* dan *Siyyarus Salikin*. Beliau pernah menetap sementara di Kedah bersama ayahandanya sebelum dihantar belajar di Pattani bersama bapa-bapa saudaranya; Wan Abdul Kadir dan Wan Abdullah Akhir. Mereka kemudiannya menyambung belajar di Mekah dan Madinah berguru dengan Syekh Muhammad bin Abdul Karim as Samman dan bersahabat dengan Syekh Muhammad Arsyad al Banjari, Syekh Daud Abdullah al Fatani, Syekh Abdul Wahab Bugis dan Syekh Abdul Rahman al-Masri Betawi selama 30 tahun. Sementara menurut Informan 4; bapa kepada Syekh Abdul Samad; Syekh Abdul Rahman telah berhijrah ke Kedah selepas Palembang tewas kepada Belanda dalam Perang Menteng pada 1821. Beliau meninggal dunia serta dimakamkan di Mengkuang, Kedah. Semasa Perang Musuh Bisik, Syekh Abdul Samad yang berada di Mekah dijemput oleh bapa-bapa saudaranya turun berjihad dan akhirnya terkorban syahid di Chenak, Pattani pada 1839 berusia sekitar 120 tahun.



Carta 2: Salasilah dan kaum Kerabat Datuk Seri Paduka Raja Laksamana Kedah

Latar belakang

Nama sebenar Sultan Muhammad Jiwa Mukarram Shah adalah Tengku Muhammad Jiwa bin Sultan Abdullah Mu'adzam Shah (memerintah 1698-1707). Ibunya bernama Paduka Bonda Wan Nang Mas. Baginda dilahirkan pada tahun 1699 merupakan putera sulung dan mempunyai dua orang lagi adik iaitu Tengku Ahmad Tajuddin dan Tengku Aishah. Baginda mempunyai dua orang isteri iaitu Paduka Bonda Cik Puan Rattana Surya dan Tengku Permaisuri.

Pengembaraan

Ketika masih muda baginda diizinkan oleh ayahandanya itu tanpa diketahui para pembesar untuk mempelajari ilmu-ilmu keagamaan di Jambi dan Palembang. Pada ketika itu Palembang dikenali sebagai sebuah kota ilmu dan ekonomi Islam yang mashyur di alam kepulauan Melayu selain Kedah, Pattani, Aceh, Banten dan Sambas. Menurut Rukmi (2014) dan Falahudin (2018:45), kesultanan Palembang terkenal sebagai pusat penyalinan naskah atau *scriptorium* kepada pelbagai manuskrip Melayu sejak abad ke 18 hingga 19 sebelum ia dimusnahkan oleh penjajahan Belanda pada tahun 1821.

Di Palembang baginda telah bertemu dengan seorang ulama berasal dari Sana'a, Yemen bernama Syeikh Abdul Jalil Al Mahdani dan mendalami pelbagai ilmu agama antaranya tauhid, fekah, sirah dan tasawuf serta menjadi khadam kepada guru sufinya tersebut.

Baginda seterusnya mengikuti gurunya berkelana ke Tanah Jawa selama 6 bulan. Di sana baginda dapat menyaksikan pergolakan kesultanan Mataram di Jawa semasa pemerintahan Raja Amangkurat II (1677-1703) dan Raja Amangkurat III (1703-1734) menghadapi konflik dalaman selain berleluasanya campurtangan Belanda (Ricklefs & Ricklefs, 1981). Keberadaan mereka berkemungkinan tidak disenangi oleh Belanda yang akhirnya mendorong Syeikh Abdul Jalil mengajak baginda berkelana dan berdakwah pula ke India. Baginda mengikut

gurunya itu yang mungkin mendapat perkhabaran tentang situasi di India yang masyur di bawah pemerintahan kesultanan Moghul Maharaja Aurangzeb (1658-1707)³.

Semasa berada di India, baginda telah bersahabat baik dengan anak murid gurunya Hafiz Sap atau *Shihab* yang bermaksud *Tuan Hafiz* (Langkawi, 2018:118). Namun setelah enam tahun berada di negara tersebut baginda mula merindui tanah airnya dan mengajak gurunya serta Hafiz Sap pulang ke Kedah dengan menumpang kapal saudagar Muscat dan singgah di Mergui, Burma, bertemu Dato' Seri Indera Segara Shahbandar lalu singgah di Langkawi dan tiba di istana Kedah pada 28 Julai 1710 (Langkawi, 2018:123,128,130).


Pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa II

Pada 13 Oktober 1710 Tengku Muhammad Jiwa ditabalkan sebagai sultan Kedah ke 19 di Istana Bukit Pinang bergelar *al Azizzu ul Mulk al Qadir al Ghalib Ghahr al Maghlub, us Sultan Khalifatu'llah 'Ala Da'irah Kedah Sultan* dan *Yang Di-Pertuan Negeri Kedah Darul Aman*. Baginda menggantikan adindanya; Sultan Ahmad Tajuddin I (1707-1710) yang mangkat. Perkahwinan pertama baginda dengan wanita bangsawan bergelar Paduka Nang Cik Puan Rattana Surya binti Sultan Syarif Abu Bakar Shah; Sultan Ligor, Patani dan dikurniakan dua orang putera; Tengku Long Putera dan Tengku Anjang Johan. Rujuk Carta 3.

Baginda turut melantik gurunya; Syeikh Abdul Jalil Al Mahdani sebagai Mufti Pertama Negeri Kedah dan mengahwinkan gurunya itu dengan Wan Zainab; puteri kepada bangsawan istana; Dato Seri Maharaja Putera Dewa. Manakala sahabatnya; Hafiz Sap dilantik sebagai Kadi bergelar Dato' Maharaja Qadi yang pertama dari kalangan berketurunan India-Muslim. Kedua-dua jawatan pemuka agama ini diwujudkan bagi memperkemaskan sistem pemerintahan mengikut syiar Islam selain sebagai membalas jasa dan menghargai kebolehan mereka sekaligus mengeratkan hubungan antara ulama dengan pemerintah (Shagir, 2009).

Selang beberapa bulan sekitar awal tahun 1712, baginda merestui permohonan Syeikh Abdul Jalil untuk pergi ke Palembang kerana dijemput oleh anak muridnya; Raden Siran yang juga merupakan sahabat baginda. Baginda turut merestui perkahwinan gurunya itu dengan puteri kepada rakannya itu bernama Raden Ranti. Selama tiga tahun menetap di Palembang secara tidak langsung membolehkan Syeikh Abdul Jalil al Mahdani berjaya mengukuhkan lagi hubungan diplomatik dan kekeluargaan di antara kesultanan Kedah dan Palembang.

³ Ketika ini dinasti Moghul mencapai kegemilangan dan diperintah oleh Maharaja Aurangzeb (1658-1707) yang menjalankan dasar perluasan kuasa di India. Namun dinasti ini mula menunjukkan kemerosotan setelah kemangkatan maharaja tersebut dan digantikan dengan pengganti-pengganti yang lemah bermula dari Raja Bahadur Shah Alam (1707-1712).



Carta 3: Salasilah dan kaum Kerabat Sultan Muhammad Jiwa Adzilin Mu'adzam Shah

Menghadapi konflik dalaman

Di awal pemerintahan baginda diuji dengan gangguan politik rampasan kuasa oleh Raja Abu Bakar atau Raja Nambang. Akibatnya baginda telah meminta bantuan dari tentera Bugis yang diketuai oleh panglimanya Opu Daeng Parani Lima Bersaudara menentang Raja Nambang dan sekutunya Raja Kecil Siak pada 1723 (Kedah, 1990:13-24; Ahmad, 2016:83-84). Di dalam peperangan tersebut Daeng Parani terkorban pada 1726 dan Sultan Muhammad Jiwa II kembali bertahta. Kedah kembali aman tanpa ancaman luar dan membolehkan baginda fokus meluaskan kekuasaannya ke wilayah-wilayah luar.

Mengukuhkan sistem ketenteraan

Seusai berakhirnya peperangan dengan Bugis, Sultan Muhammad Jiwa II berpeluang menumpukan perhatian terhadap pertahanan bagi menghadapi ancaman musuh-musuh luarnya seperti Siam dan Burma. Menjelang tahun 1730, Kedah perlu menjalankan strategi *pre-emptive* bagi mengukuhkan pertahanannya dengan menjadikan wilayah-wilayah maritim di utara Semenanjung Tanah Melayu termasuk Patani di sepanjang persisiran laut sebagai zon penampungan bagi melindungi Kedah dari ancaman kuasa-kuasa asing tersebut dari utara.

Langkah ini juga perlu dilaksanakan bagi menjamin keselamatan rakyat dan para pedagang di wilayah-wilayah tersebut dari gangguan pihak Siam, Burma dan lanun-lanun di laut. Usaha baginda merupakan satu jihad fisabilillah agar wilayah-wilayah ini tidak jatuh kepada kedua-dua kuasa asing tersebut sekaligus dapat mengekalkan legitimasi penguasaan kesultanan Kedah ke atas wilayah-wilayah tersebut sejak zaman pemerintahan Raja Merong Mahawangsa lagi.

Meluaskan wilayah jajahan

Sepanjang tahun 1730an hingga 1740an, kesultanan Kedah berjaya meluaskan kekuasaannya ke wilayah-wilayah persisiran pantai barat Segenting Kra. Baginda bertekad mengembalikan kegemilangan Kedah sebagai sebuah kuasa maritim dan ketenteraan serantau dengan melancarkan ekspedisi perluasan kuasa ke wilayah-wilayah utara di persisiran pantai barat Segenting Kra melepasi sempadan Burma dan Siam seperti Ujung Salang, Tonka, Terang,

Tukuapa, Ranong dan Mergui serta menjalar hingga ke Lembah Kerian di selatan Kedah⁴ (Hamzah, 2009:20; Sa'ari & Abdul Ghani, 2020:49).

Kejayaan ini banyak didorong oleh kemampuan logistik, teknologi dan strategi ketenteraan merangkumi persenjataan, perkapalan dan pelayaran, ilmu bela diri serta kesediaan para tentera elit Kedah bergelar *Hulubalang Pahlawan* (Janudin, 2024:170,175-176)⁵ yang dipimpin oleh kedua-dua puteranya; Tengku Long Putera sebagai Raja Tanah mengetuai angkatan darat dan Tengku Anjang Johan sebagai Raja di Laut yang memimpin armada laut dengan kapal perang penjelajah utama bernama *Papak Jantan* selain semangat jihad yang ditiup oleh Syekh Abdul Jalil al Mahdani (Yusof, 2014: 175-194). Kesannya ancaman lanun dan musuh di perairan Kedah semakin berkurangan.

Sementara dari sudut geo-politik serantau, berlaku peperangan sengit di antara Siam di bawah Dinasti Thonburi dengan Dinasti Toungoo dari Burma (Chutintaranond, 1992) yang masing-masing berhasrat menguasai wilayah-wilayah Melayu di persisiran dan kelautan sepanjang Segenting Kra sebagai wilayah penampungan kepada perluasan kuasa Burma di laut barat dan Andaman serta Telukan Bangkok di sebelah timur. Peperangan berterusan di antara kedua-dua kuasa ini secara tidak langsung telah mengancam kedudukan Kedah. Justeru Kedah perlu menjalankan dasar pertahanan *offensive* bagi mempertahankan kedudukannya.

Mengukuh sistem ekonomi

Penguasaan wilayah-wilayah di persisiran Segenting Kra amat penting dari sudut strategi ekonomi. Wilayah-wilayah tersebut mampu membekalkan bahan-bahan mentah bagi menyokong sistem perekonomian empayar Kedah ketika itu. Justeru pada tahun 1728 dengan keamanan negeri bebas dari ancaman luar baginda telah memperkenalkan matawang timah yang dikenali sebagai *tera*, emas *dinar* dan *dirham* perak matawang rasmi dalam urusan niaga perniagaan di pelabuhan-pelabuhan serata wilayah jajahan Kedah (Langkawi, 2018:133-137). Kedua-dua matawang emas tertulis '*Bibalad Kedah Darul Aman sanad 1141*' dan di sebelah lainnya tertera tulisan '*Sultan Muhammad Jiwa Ar Rahman*'. Tugasan ini diserahkan kepada tanggungjawab Dato' Paduka Mahawangsa Pebendaharaan. Manakala untuk menyelaraskan sukatan dan pemberian hak tanah kepada para pembesar dan rakyat, baginda memperkenalkan sistem sukatan *hasta*, *jemba*, *penampang*, *tali*, *tapak* dan *relung*.

Penempatan matawang-matawang ini dipengaruhi oleh peningkatan perdagangan Kedah sebagai sebuah pelabuhan entreport dalam kalangan para pedagang Islam dari Arab, India dan Parsi di Kedah selain memperkembangkan sistem percukaian dan tukar barang (*barter trade*) dalam kalangan pedagang asing memandangkan kekuasaan Kedah semakin berkembang ke wilayah-wilayah Tenasserim hasil dari perluasan kuasa ketenteraan dan pemerintahan⁶.

⁴ Kini wilayah pantai barat Tenasserim ini berada di bawah pemerintahan Myanmar manakala wilayah Chumphon di pantai timur berada di bawah kerajaan Thailand. Namun etnik Melayu masih lagi wujud mengamalkan adat serta kebudayaan Melayu serta syariat Islam meskipun tidak menggunakan bahasa Melayu secara meluas.

⁵ Hulubalang pahlawan merupakan legasi ketenteraan dibentuk oleh Raja Kedah ke 2; Merong Mahaputisat yang ingin meluaskan kekuasaan Kedah hingga ke Tenasserim membentuk negeri Benua Siam dan Patani.

⁶ Kesultanan Kedah sebelum ini turut memiliki sistem matawang tersendiri sejak zaman pemerintahan Sultan Muhammad Shah (1202-1237) dengan matawang perak tertera nama baginda. Pada masa pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azil Shah I (1473-1506) dan Mahmud Shah II (1506 - 1546) matawang Kedah dikenali sebagai *pitis* dan *tera* diperbuat dari timah, *kupang* dan *jampal* (emas). Sementara di zaman Sultan Rijaluddin Muhammad Shah (1626-1651) matawang emasnya tertera tulisan '*Sultan Rijal Dewa Shah*'.

Namun keinginan baginda untuk berdagang dan menguasai perdagangan padi dalam negeri dan mengimportnya dari India dan Jawa ditegah oleh Syeikh Abdul Jalil kerana akan merendahkan martabat seorang Raja dan melanggar adat raja-raja terdahulu. Ia juga akan menutup peluang rakyat biasa untuk berniaga sementara golongan Raja leka membolot kekayaan yang akhirnya merosakkan institusi pemerintahan negeri.

Mengukuhkan sistem perundangan Islam

Baginda terus mengukuhkan sistem pemerintahan Islam berasaskan model pentadbiran kerajaan Abbasiyah yang telah diperkenalkan oleh Syeikh Abdullah Ahmad Qumairi sejak awal pengislaman Kedah tahun 1136 sebelumnya (Hassan, 1928; Langkawi, 2018: 138-141). Perundangan tersebut mengandungi tiga belas peraturan, antaranya menetapkan agar golongan pemerintah sentiasa bersyukur, berhemat dan amanah membelanjakan harta negara, menjaga hukum agama dan adat, memberi perhatian kepada pertahanan serta keselamatan negara, menjaga kebajikan rakyat, menjatuhkan hukuman dengan adil, sering bermuafakat, jangan berselisih dan bertanggungjawab. Ketaatan baginda melaksanakan syariat Islam meletakkan baginda sebagai salah seorang sultan-sultan soleh di alam Melayu (Hasanuddin Yusoff, 2020). Kedah sebelum ini turut mempunyai beberapa hukum kanun yang berkuatkuasa antaranya *Hukum Kanun Kedah 1650* dan *Undang-Undang Tembera Dato' Seri Paduka Tuan* (1677) yang menetapkan hukuman kepada pesalah syariah, *Undang-Undang Tahun 1060 Hijrah* (1650) mengenai peraturan-peraturan di pelabuhan, manakala *Hukum Kanun Dato' Kota Setar* memfokuskan kepada perilaku golongan raja dan bangsawan serta cara-cara membuat bunga emas (Manaf, 2001:224-226; Wan Shamsuddin, 2002: Md Dahlan et al., 2005:202-206). Menurut Winstedt (1961:116), peraturan-peraturan ini memiliki persamaan dengan *Hukum Kanun Aceh* (1619) dan *Kanun Tarikh at Tahiri* yang diamalkan oleh dinasti Moghul pada kurun ke 17-18 masihi). Persamaan ini turut disebabkan hubungan baik Kedah sejak zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Shah II (1547-1602) dengan dinasti Uthmaniyah (Muhammad & Othman, 2006:252-253). Kedah ketika ini menerima ramai pedagang Islam dari dunia Arab dan India yang turut membawa pelbagai aliran sufi serta semangat jihad menentang pencerobohan kafir Eropah dan Siam (Alatas, 1963: 31-33; Hamid, 2019: 332).

Membangunkan infrastruktur

Menurut Merican (2015) dan Hussin (2016), pada tahun 1734 Sultan Muhammad Jiwa II berusaha membangunkan Kedah dengan menganugerahkan hak penempatan kepada para penghijrah dari Pagar Ruyung untuk memajukan tanah antaranya seluas 40 hektar di Pulau Pinang. Antaranya Haji Mohammad Salleh atau Nakhoda Nan Intan bin Tengku Pateh Sebatang memajukan kawasan Batu Uban, Datuk Jenaton ibni Raja Labu (Gelugor), Nakhoda Kechil (Jelutong) dan Datuk Setia (Bayan Lepas). Menurut Zulkifli dan Badrol Hisham (1994), Dato' Jenaton pernah menghadiahkan 10 buah naskah al Quran tulisan para ulama Minangkabau bagi menyemarakkan syiar Islam di Kedah, sementara Nakhoda Nan Intan telah membina sebuah masjid di Batu Uban bagi kegunaan komuniti muslim setempat pada tahun 1734⁷.

Kemakmuran ekonomi serta keamanan negeri turut membolehkan baginda giat membangunkan mukim Kota Setar menggantikan Kota Bukit Pinang yang tidak lagi strategik.

⁷ Para penghijrah Melayu dari Pagar Ruyung bersama para pedagang Kedah, Patani dan India Muslim dari India menguasai perdagangan di Pulau Pinang sehingga digelar *Saudagar Raja* dan *Saudagar DiRaja Limbong*. Ini menimbulkan kecemburuan Inggeris untuk memecahkan monopoli tersebut. Peluang terbuka melalui Perjanjian 1786 apabila Pulau Pinang dicagar Kedah untuk mendapatkan bantuan Syarikat Hindia Timur Inggeris (S.H.T.I) bagi menghadapi kemaraan Siam. Inggeris kemudiannya membawa masuk ramai buruh dan pendatang asing dari Melaka mulai 1795 hingga berjaya memecahkan penguasaan para pedagang Melayu dan India Muslim tersebut.

Untuk membangunkan kota ini baginda telah mengerahkan agar sungai-sungai diluruskan di Alor Semadom, Pumpong, Kanchut tembus ke Pengkalan Badak, Gedebang, Geduk dan Pengkalan Kundur (Langkawi, 2018:144) dengan keluasan dianggarkan melebihi 12 batu persegi. Menurut Abdullah (2017:28) projek ini dilaksanakan agar dapat mempercepatkan perjalanan pengangkutan air selain berfungsi sebagai tebatan banjir, sumber air minuman dan penanaman padi. Projek-projek ini membolehkan kadar pengeluaran padi di Kedah meningkat dan mendapat permintaan tinggi dari pihak Inggeris di Melaka pada tahun 1780 (Ismail Salleh, 1990:16). Selain itu, pemugaran banyak kawasan hutan membolehkan kayu-kayannya dimanfaatkan bagi pembinaan penempatan di kawasan-kawasan baru di Kedah pada abad ke 18 (Bulley, 1992; Sidhu, 2021:152) di sepanjang sungai-sungai di Kedah.

Baginda juga turut mengerahkan pembinaan Balai Besar sebagai tempat bersidang para pembesar dan istiadat pertabalan diraja serta Balai Nobat sebagai tempat bermain dan menyimpan alat-alat nobat diraja. Baginda seterusnya berhijrah dari Istana Bukit Pinang di utara ke Kota Setar di sebelah selatan pada 30 Disember 1735 kerana kedudukannya lebih strategik, tidak terdedah dengan banjir dan mudah dihubungkan dengan alor-alor di sungai Kedah terus ke laut Kedah serta berhampiran dengan pelabuhan Limbong yang terkenal sebagai pusat pengumpulan komoditi dan membaiki kapal (Yusof & Mat Noor, 2021:167-169). Pembangunan Kota Setar ini telah membolehkan sistem perekonomian Kedah berkembang pesat apabila kota tersebut dikenali sebagai Alor Setar telah dijadikan penempatan baharu bagi keluarga diraja. Pada tahun 1738 baginda membangunkan istana di Anak Bukit untuk putera baginda Tengku Abdullah seperti mana yang tertulis di dalam buku *Salasilah atau Tawarikh Kerajaan Kedah* karya Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib pada tahun 1911 (Langkawi, 2018:145). Kesannya sebatang jalan raya telah dibina menghubungkan Alor Setar ke Anak Bukit selain sebuah ladang kopi, cengkih dan buah pala dibangun berhampiran istana Anak Bukit dan Bukit Pinang menarik kehadiran ramai buruh Cina bekerja (Gullick: 1985). Sebuah kubu pertahanan turut dibangun di Seberang Akar Peluru bagi menempatkan logistik ketenteraan Kedah mengawal keselamatan Kedah dari arah timur dan selatan Sungai Kedah.

Pembaharuan pentadbiran

Selaras dengan kejayaan Kedah meluaskan jajahannya telah menyebabkan banyak perjawatan pembesar dengan pelbagai gelaran tertentu telah diwujudkan merangkumi peringkat negeri, jajahan, mukim dan kampung. Perjawatan dan tugas ini adalah bagi membantu melicinkan pentadbiran kesultanan hasil adaptasi warisan dari kesultanan Melaka sejak 1506 (Janudin, 2024:174) antaranya Orang Besar Berempat, Orang Besar Berlapan, Orang Besar Enam Belas dan Orang Besar Tiga Puluh Dua (Gopinath, 1993).

Crawfurd (1830) dalam catatannya pernah menyebut kesultanan Kedah mewajibkan *sistem kerahan* ke atas rakyat jelata bagi tujuan memobilisasikan tenaga mereka berkhidmat secara percuma kepada sultan seperti bertukang, bertani bahkan berperang. Kuasa tersebut diperturunkan kepada para Penghulu Mukim dan Panglima Mukim. Sebagai balasannya rakyat dikecualikan dari membayar sewa tanah sementara para pembesar diberikan hak tanah *Ampun Kurnia* (Majid, 1979; Adil & Yusof, 1980; Yahya, 1996). Kesan kerahan ini membolehkan kesultanan Kedah memiliki 128 buah mukim pada tahun 1821 (Earl, 1861) hasil penjelajahan wilayah terutamanya oleh Sultan Muhammad Jiwa II sebelumnya.

Penyerahan tahta dan kemerosotan kuasa

Usaha baginda untuk membuat perubahan pada struktur institusi diraja dengan meletakkan Tengku Long Putera sebagai Raja Tanah menjaga urusan tanah dan angkatan darat serta Tengku Anjang Johan sebagai Raja Laut yang memimpin angkatan laut pada mulanya telah

menghasilkan kejayaan dalam ekspedisi perluasan kuasa Kedah. Namun pada 5 Jun 1740 hasrat baginda menjadikan putera sulung dari isteri keduanya; Tengku Permaisuri iaitu Tengku Abdullah sebagai *Bakalan Sultan* (pengganti sultan) dan adindanya Tengku Dhiauddin sebagai Raja Muda yang memegang kuasa dari Kayang hingga Setul telah mengecewakan Tengku Long Putera dan Tengku Anjang Johan iaitu waris-waris dari isteri pertama baginda; Paduka Bonda Cik Puan. Akibat berkecil hati Tengku Long Putera telah membawa diri ke Jambi manakala Tengku Anjang Johan merajuk ke Padang Pariaman. Kisah kedua-dua putera raja ini telah mendapat simpati dari Raja Kecil dari kesultanan Siak serta suku-suku kaum di Sumatera. Malah tindakan tersebut turut mengecewakan kaum kerabat Raja Syarif Abu Bakar Shah dari kesultanan Ligor yang juga merupakan abang ipar baginda.

Kekecewaan juga dirasai ramai pembesar dan kerabat diraja Kedah apabila Sultan menyerahkan tampuk pemerintahan kepada Tengku Abdullah sebagai Pemangku Sultan bergelar Yang Di Pertuan Muda yang kemudiannya terpaksa meminta bantuan tentera upahan Bugis untuk mengesahkan kekuasaan baginda. Sementara sultan berpindah ke Kota Kayang. Sepanjang tahun 1760an tercetus peperangan akibat campurtangan Bugis dan Siak. Pihak Bugis dijanjikan upah sebanyak 15 bahara ringgit serta kedudukan di istana. Akhirnya tentera Bugis berhasil menewaskan angkatan Siak namun hanya menerima upah 3 bahara dari sultan. Dalam masa yang sama berlaku pencerobohan agresif tentera Siam di bawah Chao Phraya Cakri mulai 1767 ke atas Burma, Vietnam dan wilayah Patani. Sultan Kedah tidak dapat membantu kekanda iparnya; Yamtuan Syarif Abu Bakar Shah dari kesultanan Ligor dari jatuh ke tangan Siam Cakri sehingga terpaksa menjadi pelarian di Kota Mengkuang, Jitra. Malah Kedah makin hilang fokus dalam membuat persediaan menghadapi kemaraan Siam dari utara akibat konflik politik dalamannya yang berpanjangan.

Pada tahun 1771 tentera Bugis pimpinan Raja Haji dari Selangor pula menyerang Kedah sekali lagi untuk menuntut baki upah 12 bahara ringgit seperti mana yang dijanjikan. Kedah dapat dikalahkan dan pengaruh Siak dapat dihapuskan. Menurut Ahmad (2021: 77-79) peperangan tersebut menyebabkan banyak kematian serta kemusnahan besar di Kota Setar termasuk Balai Besar selain banyak khazanah kerajaan dirampas. Akibatnya Sultan sekali lagi terpaksa berpindah ke Kota Kayang pada Mac 1771 serta menyusun semula pentadbiran Kedah⁸ dengan menyerahkan pemerintahan kepada anakandanya Tengku Abdullah menjadi Pemangku Sultan dan menitahkan agar Syeikh Abdul Jalil al Mahdani, Hafiz Sap dan anak saudaranya bernama Mualla Ibrahim Sap dengan bantuan buruh-buruh dari India merangka pembangunan kompleks kota pertahanan, pusat pentadbiran serta penempatan baharu di Kuala Bahang.

Namun ancaman berterusan tentera Bugis menyebabkan baginda terpaksa meminta bantuan dari Syarikat Hindia Timur Inggeris (S.H.T.I) di Madras, India melalui Sir Edward Monkton melalui perjanjian persahabatan pada April 1772 dan berjaya mengalahkan tentera Bugis. Sejak dari perjanjian tersebut sepanjang tahun 1773 hingga 1786, S.H.T.I yang telah lama bertapak dan berdagang di Pulau Ujong Salang sentiasa mencari jalan untuk bertapak dan menguasai Pulau Pinang memandangkan kedudukannya yang strategik di Selat Melaka serta berhadapan

⁸ Sultan Muhammad Jiwa II telah menyingkirkan para pembesar dan hulubalang yang mengkhianati baginda sepanjang peperangan dan menggantinya dengan orang kepercayaan baginda. Untuk merapatkan kembali hubungan antara waris kesultanan, baginda telah mengahwinkan cucundanya iaitu anakanda kepada Tunku Long Putera dengan puteri kepada Tengku Abdullah (kahwin dua pupu) selain melantik anakanda Tunku Anjang Johan; Wan Qusai sebagai Paduka Raja Laksamana yang baharu. Perkahwinan tersebut membolehkan kedua-dua putera baginda kembali semula ke Kedah. Tunku Long Putera mangkat dan dimakamkan di Kampung Kepala Bendang, Pokok Sena sementara Tunku Anjang Johan membuka penempatan di Kampung Perlis di Seberang Perai seterusnya berhijrah ke Tenangsari, mangkat dan dimakamkan dipercayai di Burma.

dengan Seberang Perai, namun tidak berpeluang kerana pulau tersebut masih dikuasai oleh orang Melayu Minangkabau, Kedah serta para pedagang India - Muslim⁹.

Pada 20 September 1778 baginda mangkat dan dimakamkan di Kota Anak Bukit digelar *Almarhum Kota Setar Yang Pertama*¹⁰ dan digantikan oleh Sultan Abdullah Mukarram Shah II. Menjelang 1780an pengaruh Siak dan Bugis semakin melemah di Kedah susulan kematian ramai tokoh utama mereka (Janudin, 2024:176). Sementara pada 1781, Dato' Maharaja Kadi Hafiz Sap meninggal dunia dan dimakamkan di Tanjung Pauh, Jitra (Langkawi, 2018: 149-150). Maklumat tersebut dicatatkan dalam buku ASNK yang diterjemahkan oleh Jawatankuasa PSMCK dari tulisan jawi ke tulisan rumi pada tahun 2018 berdasarkan cetakan asalnya tahun 1928¹¹. Tempatnya sebagai Kadi diganti oleh anak saudaranya bernama Mualla Ibrahim Sap berketurunan India-Muslim juga oleh Sultan Abdullah Mukarram Shah (1778-1798).

Berdasarkan maklumat dari Informan 3 menyatakan Syeikh Abdul Jalil al Mahdani mangkat pada tahun 1782 dan mungkin dimakamkan di Pemakaman Diraja Langgar namun dirahsiakan dari pengetahuan umum oleh pihak keluarga dan hanya mereka yang tertentu sahaja mengetahui keberadaannya. Sementara Informan 2 menyatakan makam di Tanjung Pauh tersebut adalah milik Mufti Syeikh Abdul Jalil al Mahdani yang wafat pada 1782 namun beliau bukan bergelar *Dato' Maharaja Kadi* seperti tertulis di gerbang makam. Sementara makam yang didakwa milik Syeikh Ibrahim Shah tersebut adalah milik individu bernama 'Panglima Ismail' namun bukan Laksamana Wan Ismail pembawa Silat Cekak. Sebaliknya beliau adalah Penghulu Kota Setar di zaman pemerintahan Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Shah I (1843-1854). Bapanya; Baipu Naina berketurunan India-Muslim merupakan saudagar kaya di Limbong berbinkan Syeikh Ahmad Bandar, seorang pendakwah dan saudagar dari Damsyik¹².

Kedah di ambang pencerobohan Burma, Siam dan Inggeris

Kemaraan agresif Burma dan Siam menyebabkan banyak wilayah kesultanan Kedah dan sekutu-sekutu baginda di persisir barat Segenting Kra mula berjatuh satu persatu. Ini termasuklah kesultanan Singgora selain Ligor di wilayah timur laut Patani (Kuroda, 2021:119-127)¹³. Menurut Hall (1981) kesultanan Kedah sukar mempertahankan wilayah-wilayahnya di

⁹ Inggeris telah berjaya mendapatkan Pulau Pinang melalui tipu muslihat perjanjian pada tahun 1786. Selepas 1791, Inggeris menguasai Seberang Perai setelah mengalahkan Kedah dalam Perang Perai. Mulai tahun 1795 Inggeris telah memindahkan secara besar-besaran buruh dan pedagang dari kaum-kaum pendatang di Melaka bagi membantu SHTI membangunkan Pulau Pinang seterusnya ke Singapura pada tahun 1819. Kesannya monopoli perdagangan orang Melayu dan India Muslim yang sedia ada di Kedah dan Singapura berjaya dipecahkan.

¹⁰Makam Sultan Muhammad Jiwa II telah ditemui pada Mac 2017 oleh pasukan penjejak dari PSMCK. Sila rujuk <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/05/08/kedah-temui-makam-sultan-muhammad-jiwa-zainal-adilin-ii/>. Informan 3 berada dalam pasukan penjejak ini.

¹¹ Penulis telah melakukan penjejakan ke makam berkenaan pada 29 Januari 2025. Terdapat dua buah makam di sisinya iaitu Syeikh Ibrahim Shah (mungkin Mualla Ibrahim Sap) di sisi kiri dan Syeikh Muhammad Yusuf di sebelah kanan. Kedua-duanya berketurunan India Muslim berasal dari India yang datang berdakwah di Kedah. Informan 1 menyatakan masjid ini dibangun dan dikendalikan oleh *India Muslim League* sejak tahun 1950an dan mendapat pembiayaan dari komuniti para peniaga India Muslim dari seluruh negara hingga kini.

¹² Maklumat ini berdasarkan manuskrip *Salasilah Nenda Muhamad Nur* ditulis oleh Kassim Abdullah pada tahun 1930 di Setoi, Thailand. Manuskrip ini tidak diterbitkan dan berada dalam simpanan digital Informan 2 yang ditemuramah pada 21 Februari 2025 di Kuala Kubu Bharu, Selangor.

¹³ Menurut Informan 4, Sultan Ligor; Syarif Abu Bakar Shah ibni Syarif Mahmud Shah ibni Sultan Sulaiman Shah Singgora adalah abang ipar kepada Sultan Muhammad Jiwa II yang berkahwin dengan adindanya; Nang Cik Puan Paduka Bonda lalu melahirkan Tengku Long Putra dan Tengku Anjang Johan. Akibat serangan Sukhothai ke atas kesultanan Ligor sepanjang peperangan 1757-1767 menyebabkan baginda, kaum kerabat serta para pengikutnya terpaksa lari dan membuka kota penempatan baharu di Mengkuang. Namun baginda dan keturunannya dihabisi oleh tentera Sukhothai pada 1821. Jasad baginda dimakamkan di Tualang, Kedah.

Tenasserim dan Chumphon seperti dari Rundong ke Terang dari dirampas dinasti baru Burma Konbaung (Hall, 1981) yang memenangi Perang Siam-Burma (1765-1767).

Menjelang 1780 kota pertahanan Kuala Kedah telah siap dibina (Langkawi, 2018:142-143,149-150). Sultan Abdullah Mukarram Shah telah melantik seorang ulama; Syekh Abu Su'ud al Banjari (anggaran hidup sekitar 1730an - 1830an) sebagai Kadi mengajar ilmu agama dan ilmu perang kepada para panglima dan hulubalang pahlawan Kedah¹⁴ yang ketika itu dipimpin oleh Laksamana Wan Qusai. Pencerobohan tentera Sukhothai ke wilayah-wilayah di Pattani dan kedudukan Burma di ambang kekalahan kepada Siam semakin membuatkan sultan berasa terancam. Kejayaan Raja Siam yang baharu dari dinasti Rattanakosin; Rama 1 menggulingkan dinasti Thonburi menyebabkan sultan terpaksa menghantar utusan diplomatik untuk berbaik-baik dengan Siam dengan menghadiahkan bunga emas pada 1781 sebagai tanda persahabatan. Namun Siam menganggap ia sebagai tanda pengiktirafan Kedah ke atas kekuasaan Siam dan perlu menghantarnya lagi setiap tiga tahun iaitu pada 1874 kelak.

Menurut Abdullah Zakaria (2016:1-21), kejatuhan jajaran wilayah kesultanan Patani kepada Siam pada 1785 menyebabkan Kedah didesak menghantar bunga emas sebagai ufti perlindungan yang tertangguh sejak 1784 bagi mengelak serangan Siam ke atas Kedah. Keengganan sultan mematuhi desakan Siam tersebut serta tindakan baginda membuat perjanjian sulit bersama Francis Light pada 1786 bagi mendapatkan perlindungan Inggeris dengan mencagarkan Pulau Pinang telah menimbulkan kemarahan dan dendam Siam untuk menyerang Kedah apabila berpeluang nanti selain merebaknya pepecahan dan kekecewaan rakyat terhadap kepimpinan baginda.

Kemaraan kuasa-kuasa Barat ke atas negara-negara di Asia yang mengancam ketika itu juga merupakan suatu fenomena imperialisme global. Situasi ini turut mengancam kedaulatan beberapa daulah Islam seperti Uthmaniyah, Mughal, Mataram, Aceh dan sebagainya. Namun hancurnya daulah-daulah ini adalah disebabkan oleh kelemahan pentadbiran, konflik dalaman yang berpanjangan serta pengkhianatan yang akhirnya telah mengundang penjajah asing untuk campurtangan, menakluk, menjarah dan menjajah empayar-empayar tersebut.

5. Kesimpulan

Sultan Muhammad Jiwa II merupakan sultan yang paling lama memerintah iaitu selama 68 tahun dan dikenali sebagai zaman emas kesultanan Kedah berikutan beberapa pencapaian yang diraih sepanjang pemerintahan baginda. Pencapaian ini adalah hasil bimbingan ulama yang juga gurunya; Syekh Abdul Jalil Al Mahdani. Namun baginda menghadapi pengakhiran yang tragis apabila terpaksa mengasingkan diri ke Kota Kayang kerana kesedihan akibat tindakan kedua-dua puteranya yang membawa diri ke Sumatera. Akibatnya kesultanan Kedah mula mengalami kemerosotan apabila terlibat dalam konflik perebutan kuasa, campurtangan Bugis dan Siak yang turut mengundang campurtangan Inggeris selain hilang fokus mempertahankan wilayah-wilayah jajahan di persisiran Segenting Kra hingga ke Tenasserim kerana mula

¹⁴ Pada mulanya kapal yang ditumpangi Syekh Abu Su'ud serta rombongannya ditahan di perairan Kuala Kedah dalam pelayaran ke Banjarmasin, Kalimantan kerana disyaki sebagai musuh. Berlaku pergelutan akibat salah faham namun telah dimenangi beliau. Sultan Kedah yang mengetahui kehebatan beliau akhirnya memerintahkannya membantu memperkuat angkatan perang Kedah yang sedang menghadapi pencerobohan dan kemaraan Siam dan Burma ke atas wilayah-wilayah Pattani di perbatasan Kedah. Syekh Abu Su'ud pulang semula ke Kalimantan pada awal 1800an dan meninggalkan warisnya; Syekh Mas'ud (1780an -1838) di Kedah. Syekh Abu Su'ud dan rombongannya merupakan generasi pertama diaspora kaum Banjar yang telah berasimilasi dengan penduduk tempatan dan membentuk komuniti Banjar di Tanah Melayu.

ditakluki oleh Burma dan Siam satu persatu. Sementara legasi Syeikh Abdul Jalil al Mahdani terus subur sebagai golongan alim ulama yang banyak menyumbang jasa kepada perkembangan Islam, kesusasteraan Melayu serta legasi para pentadbir di Kedah.

Penghargaan

Terima kasih kepada Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) yang mendanai penyertaan jurnal ini ke Kuala Lumpur International Conference on Education, Economic and Technology (KLICEET) 2025 sebagai sebuah sumbangan wakaf ilmu demi merealisasikan visi Silat Cekak sebagai Silat Akademik. Jurnal ini juga didedikasikan sempena ulang tahun ke 290 Bandaraya Alor Setar (1735-2025) dan ulang tahun ke 60 PSSCM (1965-2025). Terima kasih jua kepada para informan yang berkongsi maklumat.

Sumber-sumber Informan

Informan 1: Ustaz Abdul Malik bin Abdul Tahir, Imam Masjid dan Penjaga Makam Syeikh Abdul Jalil al Mahdani di Masjid India Muslim Syeikh Abdul Jalil al Mahdani, Tanjung Pauh, Jitra Kedah. Beliau seorang warga India yang sudah bermastautin di Malaysia dan menjadi imam di masjid ini. Temuramah bersemuka pada 29 Januari 2025.

Informan 2: Tuan Haji Ghazali bin Abdul Rahman; Ahli Lembaga Pelajaran dan Tatatertib (LPT) PSSCM, seorang pengkaji sejarah lisan ilmu Seni Silat Cekak. Temuramah bersemuka pada 30 Januari 2025 di Sintok, Kedah dan 20-21 Februari 2025 di Kuala Kubu Bharu, Selangor.

Informan 3: Encik Zamri bin Abdul Wahab; Ahli Jawatankuasa Tugas-Tugas Khas dan Restorasi, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK). Temuramah bersemuka pada 8 September 2024 dan secara talian pada 4 Februari 2025.

Informan 4: Ustaz Muhammad Fazilul Helmi bin Raizan as Syafie, aktivis Islam Kedah dan Yang Dipertua Pertubuhan Kerabat Sharif Shah Tunku Long Putera Tunku Anjang Johan Negeri Kedah. Temuramah secara talian pada 8 Februari 2025.



Gambar 1: Penulis (kanan) menemuramah Informan 1 di Masjid India Muslim Syeikh Abdul Jalil al Mahdani di Tanjung Pauh, Jitra Kedah pada 29 Januari 2025.



Gambar 2: Penulis (kiri) menemuramah Informan 2 di Sintok, Kedah pada 30 Januari 2025. Jitra Kedah pada 29 Januari 2025.



Gambar 3: Penulis (kiri) menemuramah Informan 3 di Tunjang, Jitra, Kedah pada 8 September 2024. Mahdani di Tanjung Pauh, Jitra Kedah pada 29 Januari 2025.

Rujukan

- Abdullah, M. F. (2017). Sejarah Perkembangan Bekalan Air Domestik Di Negeri Kedah Sehingga Tahun 1957. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 26(2 (December)).
- Adil, B., & bin Yusof, S. (1980). Sejarah Kedah. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, J. (2016). Bugis di Kedah 1600-1800: Suatu tinjauan awal. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), vii - 579.
- Ahmad, M. H. (2018). Abdul Samad Al-Falimbani's Role And Contribution In The Discourse Of Islamic Knowledge In Malay World. *Journal of Malay Islamic Studies*, 2(1), 11-22.
- Alatas, S. H. (1963). The Weber thesis and South East Asia. *Archives de sociologie des religions*, 21-34.
- Bulley, A. (1992). Free Mariner: John Adolphus Pope in the East Indies 1786-1821. (No Title).
- Chittick, H. (1968). Ibn Baṭṭūṭa and east Africa. *Journal des Africanistes*, 38(2), 239-241.
- Chutintaranond, S. (1992). The image of the Burmese enemy in Thai perceptions and historical writings. *Journal of the Siam Society*, 80(1), 89-98.
- Crawford, J. (1830). *Journal of Embassy from the Governor General of India to the Courts of Siam and Cochin China Exhibiting a view of the Actual State of Those Kingdoms*. London: Henry Colburn & Richard Bentley (First Published 1828).
- Earl, G. W. (1861). Topography and itinerary of Province Wellesley. Printed at the Pinang Gazette Print. Office.
- Falahudin, I. (2018). Identifikasi serangga dan faktor abiotik perusak naskah kuno sebagai upaya pelestarian budaya Palembang. *Tamaddun: Jurnal Kebudayaan dan Sastra Islam*, 18(1), 46-63.
- Gopinath, A. (1993). Sejarah politik Pahang, 1880-1935. (No Title).
- Gullick, J. M. (1985). Kedah in the reign of Sultan Ahmad Tajuddin II (1854-1879). *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 58(2 (249)), 107-134.
- Hall, D. G. E. (1981). The Beginnings of the Konbaung Dynasty in Burma, 1752–82. In *A History of South-East Asia* (pp. 426-437). Palgrave, London
- Hamid, A. F. A. (2019). Islam, Political Culture and Practical Spirituality in Kedah, a State in Northwestern Malaysia. *Practical Spirituality and Human Development: Creative Experiments for Alternative Futures*, 323-352.
- Hamzah, M. A. N. M. (2002). Kesultanan Kedah: satu pengenalan ringkas wilayah dan jiran-jirannya. *Jati-Journal of Southeast Asian Studies*, 7, 117-136.
- Hassan, M. (1928). Al tarikh salasilah negeri Kedah. Penyelenggara: Dr Ibrahim Bakar Langkawi.
- Hasanuddin Yusoff (2020). Raudhatus Salatin Raja-Raja Soleh di Alam Melayu. Penerbit Alami Sdn Bhd. Seremban, Negeri Sembilan.
- Hussin, S. (2016). Tokoh dan Institusi Pendidikan Islam di Pulau Pinang. Ismail Saleh, 1990. "Negeri Terbuka Dagangan Murah", *Alor Setar 250 Tahun*, Kedah: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah.
- Janudin, S., & Yusoff, Z. (2019). Tokoh Pahlawan Kedah; Dato'Seri Paduka Raja Laksamana Wan Ismail Serta Perkaitannya Dengan Panglima Ismail Dan Panglima Tok Rashid; Panglima Pembawa Silat Cekak Dalam Persejarahan Negeri Kedah Sepanjang 1800–1925. *Voice of Academia (VOA)*, 15(3), 72-95.
- Janudin, S., & Yusoff, Z. (2020). Laksamana Wan Ismail bin Wan Muhammad Long: Pahlawan Kedah di Kerian dalam Perang Musuh Bisik 1821 - 1842. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(3) 47-61.

- Janudin, S. (2023). Wangsa Wan: Merungkai Genealogi Asal-Usul dan Keturunan. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 5(4), 10-31.
- Janudin, S (2024). Pewarisan Sifat Bangsa Perang dan Bangsa Pahlawan Pada Masyarakat Kedah: Perspektif Sejarah dan Etimologi Melayu. *Asian Journal of Research in Education and Social Sciences*, 6(3) 165-184.
- Kedah. (1990). Alor Setar 250 tahun, 1735-1985. Kerajaan Negeri Kedah Darulaman.
- Kathirithamby-Wells, J. (2009). 'Strangers' and 'stranger-kings': The sayyid in eighteenth-century maritime Southeast Asia. *Journal of Southeast Asian Studies*, 40(3), 567-591.
- Kuroda, K. (2021). The Legend of Syarif Abu Bakar Shah: Another Grassroots History of Kedah People.
- Majid, B. A. (1979). Wan Mohammad Saman bin Wan Ismail 1870-1898. *Kedah Dari Segi Sejarah: Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah*, 1(8), 1-23.
- Manaf, A. A. (2001). Sejarah sosial masyarakat Malaysia. (No Title).
- Md Dahlan, N. H., Hussain, M. A., Yusof, Y., Megat Latif, H., & Aziz, A. R. (2005). Undang-undang lama Kedah sebelum kedatangan Inggeris.
- Merican, A. M. (2015). Batu Uban: sejarah awal Pulau Pinang. (No Title).
- Mohamad, M., & Othman, S. (2006). *Ahlul Bait (keluarga) Rasulullah SAW dan kesultanan Melayu/Hj Muzaffar Hj Mohamad dan Tun Suzana Othman*. Crescent News (KL).
- Omar, W., Hanafi, W., & Annuar W., (1989). Mengenal Asal-Usul Keturunan dan Keluarga. Alor Setar. 1 September 1989.
- Ricklefs, M. C., & Ricklefs, M. C. (1981). Java, Madura and the VOC, c. 1680–1745. *A History of Modern Indonesia: c. 1300 to the Present*, 78-90.
- Rukmi, M. I. (2014). Penyalinan Naskah Melayu di Palembang; Upaya Mengungkap Sejarah Penyalinan. *Wacana, Journal of the Humanities of Indonesia*, 7(2), 6.
- Sa'ari, H., & Abd Ghani, R. (2020). British: telunjuk lurus kelingking berkait dalam Perang Kedah-Siam 1821-1842. *Jurnal IPDA*, 26(1), 48-63.
- Shaghir, W. M. (2009). Koleksi Ulama Nusantara.
- Sidhu, M. S. (2021). Kayu sebagai Bahan Binaan di Lembah Bujang dan Perbandingan dengan Tapak-Tapak Yarang, Takuapa dan Batujaya. *Akademika*, 91(2), 145-155.
- Wan Shamsuddin Mohd Yusof. (2002). Hukum Kanun Kedah: Satu penelitian mengenai Hukum Kanun Dato' Kota Star.
- Winstedt, R. O. (1961). *The Malays: A cultural history*. Taylor & Francis.
- Yahya, M. H. (1996). Undang-undang Laut dan Perdagangan Negeri Kedah Abad ke Tujuh Belas.
- Yusof, W. S. M. (2014). Kedah Dalam Warisan Sejarah dan Budaya Nusantara Koleksi Makalah 190.
- Yusof, N. U. R., & Mat Noor, N. O. O. R. (2021). Alor Setar Sebagai Pusat Komersial Sebelum Kemasukan British, 1735-1909. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 48(2).
- Zulkifli, K., & Badrol Hisham, I. (1994). Sejarah awal masyarakat Islam di Pulau Pinang dan Masjid Jamik Batu Uban. *Jurnal Sejarah Islam di Pulau Pinang*.

Sumber internet

- <https://jawinusantara.wordpress.com/2014/11/09/syeikh-abdush-shomad-al-falimbani-al-mahdani/>. Diakses pada 6 Januari 2025.
- <https://www.geni.com/people/Dato-Haji-Wan-Mat-Saman/4982280285360081994>. Diakses pada 14 Januari 2025.
- <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/05/08/kedah-temui-makam-sultan-muhammad-jiwa-zainal-adilin-ii/>. Diakses pada 2 Februari 2025.

<https://www.youtube.com/watch?v=SBntFu17ICQ>- Peristiwa Raja Ligor Yamtuan Syarif Abu Bakar Shah Syahid Di Bumi Kedah | Kota Mengkuang & Tualang. Diakses pada 8 Februari 2025.

<https://www.facebook.com/watch/?v=602754722651940>. Pengkisahan Sejarah Tengku Anjang Johan yang membuka Kampung Perlis di Butterworth sekitar tahun 1745. Diakses pada 9 Februari 2025.

<https://www.geni.com/people/Sultan-Muhammad-Jiwa-Zainal-Adilin-Sultan-Abdullah-Muadzam-Shah-II-Sultan-Kedah-ke-19-1710-1778/6000000004054922056>. Susur galur keturunan Sultan Muhammad Jiwa. Diakses pada 10 Februari 2025.